



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PUSAT SEHENTI URUS MAYAT (PUSUM) WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Pusat Sehenti Urus Mayat (PUSUM) yang terletak di Kompleks Sukan Institut Sukan Negara, Stadium Jalan Raja Muda, Kampung Baru Kuala Lumpur dibina secara sementara pada 17 Julai 2021 dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku penyelaras fasiliti , Hospital Kuala Lumpur (HKL) selaku penyelaras operasi dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Operasi pusat ini turut disokong oleh agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Angkatan Pertahanan Awam, (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memainkan peranan dan tanggungjawab dalam bidang tugas masing-masing.

Operasi harian pusat ini diperkuatkan dengan khidmat sukarelawan Prihatin Wilayah (PRIVO) dan juga Data Sukan Consulting Sdn Bhd iaitu anak syarikat Institut Sukan Negara.

Idea penubuhan PUSUM ini bermula apabila ianya dibincangkan dalam Sidang *Task Force Greater Klang Valley* yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri dan telah diluluskan dengan mengambil kira keperluan yang mendesak untuk menambah kapasiti penyimpanan mayat dan seterusnya memudahkan penjadualan pengkebumian dan penentuan lokasi kubur dan krematorium.

Selain itu, PUSUM juga dapat mengurangkan beban kepada petugas yang menguruskan pengkebumian di mana sebelum ini mereka perlu bekerja sehingga waktu malam untuk menyempurnakan mayat dengan segera kerana ruang penyimpanan mayat yang tidak mencukupi.

PUSUM berfungsi sepenuhnya pada 24 Julai 2021 dilengkapi dengan fasiliti lima buah kontena berhawa dingin bersaiz 10x40'. Empat buah kontena disediakan oleh pihak DBKL dan satu kontena ditaja oleh Kumpulan Nirvana. Setiap kontena boleh memuatkan 45 mayat. Keseluruhan kontena boleh memuatkan 225 mayat. Pusat ini telah menguruskan 300 mayat sejak 20 Julai 2021.

Selain itu, pemasangan enam buah khemah berhawa dingin bersaiz 10'x20', 9 buah khemah bersaiz 10'x20', 10 buah khemah saiz 20'x20 dengan bekalan elektrik berkapasiti 250 Ampiar 3 Fasa dan lapan unit lampu limpah bagi menerangi kawasan operasi urus mayat. Penyediaan kelengkapan ini adalah bertujuan untuk melancarkan operasi PUSUM.

Jumlah keseluruhan sumber manusia yang terlibat dalam pengoperasian PUSUM ini adalah seramai 100 orang yang terdiri daripada petugas Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN), Institut Sukan Negara (ISN), Sukarelawan PRIVO dan RELA.

Besar harapan saya agar DBKL dan HKL sentiasa memastikan pengoperasian PUSUM ini dapat berjalan dengan lancar dan segala permasalahan serta isu-isu berhubung pengendalian jenazah-jenazah COVID-19 ini dapat diselesaikan dengan segera bagi memudahkan urusan petugas-petugas untuk menyempurnakan tanggungjawab terakhir kepada pesakit-pesakit COVID-19 dan waris-waris.

“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”

**YB TAN SRI TPR ANNUAR HJ MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
25 Julai 2021**